



# Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

بریدانگ کما جوانا قصادر تکریب کلنٹن

Bil. 2/2003

April - Jun 2003

Edaran PERCUMA



## Ekspo Produk Makanan Halal Kelantan 2003 & Pelancaran Direktori Usahawan Bumiputera



Pembangunan dan pertumbuhan pengeluaran produk makanan halal tempatan sememangnya memerlukan sokongan dan bantuan terutamanya dari segi promosi dan pendedahan secara langsung. Promosi yang dimaksudkan adalah merangkumi bidang-bidang yang berkaitan dengan pemprosesan makanan, pengeluaran produk makanan sejuk beku dan industri makanan secara umum. Sebagai usaha dan langkah-langkah awal untuk mempromosikan bidang tersebut secara terancang dan berkesan, Ekspo Produk Makanan Halal Kelantan 2003 telah diadakan pada 24 hingga 31 Mac 2003. Penganjuran ekspo tersebut yang bertempat di Medan Usahawan Kota Bharu telah diberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada PKINK melalui Bahagian Pembangunan Usahawan. Majlis perasmian pada 24 Mac telah disempurnakan oleh YB. Dato' Hj. Ab. Halim b. Ab. Rahman, Timbalan Menteri Besar Kelantan. Selain dari membantu para usahawan agar berusaha secara lebih agresif dan produktif khususnya dalam pengeluaran produk yang bermutu tinggi, ekspo ini juga merupakan komitmen PKINK sebagai menyahut seruan kerajaan untuk menjadikan negeri Kelantan sebagai pusat pengeluaran produk makanan halal yang utama di Malaysia.

YAbrs. Tuan Hj. Hanifa b. Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dalam ucapan alu-aluan pada majlis tersebut telah merakamkan penghargaan dan terima

kasih kepada agensi-agensi kerajaan dan individu yang terbabit secara langsung dalam penganjuran ekspo ini. Beliau turut melahirkan harapan yang tinggi agar penganjuran ekspo ini mampu mencapai objektif dan matlamat sebagaimana berikut:-

1. Sebagai platform dan laluan kepada para usahawan untuk mempromosikan produk masing-masing disamping mempertingkatkan pemasaran produk makanan halal negeri Kelantan.
2. Mewujud dan mengukuhkan lagi jaringan niaga sesama usahawan dan juga antara usahawan dengan agensi-agensi kerajaan.
3. Menjana budaya usahawan yang progresif, dinamik dan berdaya maju serta meningkatkan daya saing produk dalam pasaran.

(Bersambung di mukasurat 3)



**L**ewat setengah tahun 2003 banyak peristiwa yang telah berlaku. Justeru segalanya telah menuntut lebih banyak perhatian dan pengamatan kita kerana dengannya kita mampu mengambil iktibar dan pengajaran.

Dalam tempoh dua-tiga bulan yang lalu kita dapat beberapa orang ahli keluarga anggota kumpulan telah meninggal. Walaupun begitu, kita perlu sedar bahawa kematian bukannya satu musibah. Hakikatnya, kita perlu menginsafi diri bahawa kematian adalah satu kemestian tanpa mengira siapa, biar betapa kuat dan tingginya darjat kita...hanya kepada Allah jua kita akan kembali. Semoga dalam redhaNya.

Hari Keluarga PKINK yang diadakan dalam tempoh sama sememangnya meriah tetapi bila dinilai dari segi pencapaian matlamat ia agak mengecewakan. Penyertaan anggota belum lagi menyeluruh kerana ada segelintir daripada kita tidak mengambil bahagian. Penginapan anggota di dua tempat berasingan telah menjelaskan peluang berinteraksi dan menjalin kemesraan kerana tempoh program yang singkat. Mungkin kita dapat merancang dengan lebih berkesan pada masa akan datang.

Merenung sejenak, kecanggihan dalam era teknologi masakini, penggunaan telefon tangan merupakan satu keperluan, terutamanya dalam konteks perhubungan yang amat sesuai dan pantas sejarah dengan peredaran masa. Dalam keadaan lain pula, ianya kekadang menimbulkan kekecewaan. Ketidakpekaan pengguna telah secara langsung mengugat etika dan ketatasusilaan. Ada perjalanan majlis atau acara yang terganggu kerana deringan pada waktu yang tidak sepatutnya. Menjawab panggilan pada waktu yang tidak sesuai umpamanya ketika bermesyuarat atau ketika sedang melayan tetamu. Apatah lagi dalam keadaan dimana talian sepatutnya dimatikan buat sementara. Tanpa disedari, pihak yang berhadapan merasa kurang senang. Semoga kita dapat renungnya bersama dan mengingatkan diri sendiri agar ianya tidak akan berterusan, atau sekurang-kurangnya menunjukkan rasa bersalah (apologetic).

Hangat dan terkini ialah peperiksaan bagi Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) selaras dengan perlaksanaan Sistem Saran Malaysia (SSM). Anggota dalam gred jawatan tertentu perlu lulus mengikut tahap kecekapan bagi membolehkan mereka dipertimbangkan untuk diberi habuan dan ganjaran yang setimpal. Tidak dapat tidak para anggota perlu memahirkkan diri dengan membuat rujukan kepada pekeliling, jurnal, buku dan apa-apa bahan demi untuk lulus. Pernahkah kita terfikir tentang kegagalan mencapai matlamat sebenar?. Diimbas secara kasar, kegagalan tersebut adalah berpunca dari sikap anggota sendiri. Mereka akan berusaha keras untuk lulus dalam peperiksaan dan mencapai matlamat diri sahaja tanpa memberati bahawa pihak pengurusan juga menaruh harapan yang tinggi agar PTK yang bakal ditempuhi akan benar-benar mampu membentuk anggota-anggota yang berpengetahuan, berkemahiran dan mampu meningkatkan keupayaan, jati diri dan prestasi semoga ada keseimbangan dalam mencapai matlamat diri sendiri dan organisasi.

Kepada semua anggota diucapkan selamat maju jaya serta lipatgandakan usaha. Insya Allah, kejayaan pasti di pihak anda.

Dari

Editor



Penaung

Tuan Hj. Hanifa Ahmad

Ketua Editor

Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

Editor

Datin Hjh. Norsiah Musa

Penolong Editor

En. Ahmad Hilmi Mohd. Nawawi  
Pn. Ahlaami Hj. Ab. Halim  
Pn. Nik Farzimah Nik Omar  
En. Mohd. Ramli Hamzah  
En. Wan Azizan Wan Yaakub  
YM. Tengku Petra Tengku Wook

Jurufoto

En. Mohd. Ghazali Mahmood

Berita PKINK diterbitkan oleh:

**BAHAGIAN PENGURUSAN  
SUMBER MANUSIA**

Perbadanan Kemajuan Iktisad  
Negeri Kelantan  
Tingkat 8—11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani  
Peli Surat 142  
15710 Kota Bharu  
KELANTAN.

Rekabentuk dan dicetak Oleh:

**DIAN DARULNAIM SDN. BHD.**

5315-A, Jalan Sultan Yahya Petra  
Peli Surat 150  
15710 Kota Bharu  
KELANTAN.



## **PERDANA RESORT ANJURKAN EKSPEDISI JEJAK WARISAN IV KOTA BHARU - ALOR SETAR - SUNGAI PETANI**

Perdana Resort (PCB Beach) telah sekali lagi berjaya menganjurkan program berbentuk ekspedisi. Program kali ini ialah Ekspedisi Jejak Warisan IV Kota Bharu – Hadyai – Alor Setar – Sungai Petani dari 4 hingga 6 April 2003. Sebagai salah satu program Rekreasi Pelancongan Antarabangsa, ekspedisi pada kali ini telah dianjurkan dengan kerjasama Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan, Majlis Tindakan Negeri Kedah dan Tourism Authority Of Thailand (TAT). Selaku penganjur program ini dikira cukup berjaya kerana mampu menarik minat seramai 120 orang peserta dari negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah membabitkan sebanyak 37 buah kenderaan.

(Dari mukasurat 1)

YB. Dato' Hj. Abd. Halim b. Ab. Rahman, Timbalan Menteri Besar Kelantan ketika menyampaikan ucapan merasmikan majlis sekaligus melancarkan Direktori Usahawan Bumiputera Kelantan berkata Kerajaan Negeri Kelantan tidak menolak kemungkinan hasrat untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat pengeluaran makanan halal utama negara tidak berkembang sebagaimana yang diharapkan kerana menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran. Di antara rintangan dan cabaran yang telah dikenalpasti ialah:-

1. Kekurangan bahan mentah
2. Pembuatan yang menggunakan teknologi rendah.
3. Tidak ada pembaharuan kerana penyelidikan & pembangunan (R&D) yang terhad.

Memandangkan bidang pemprosesan dan pengeluaran makanan merupakan industri penting yang menyumbang kepada ekonomi rakyat negeri ini, pelbagai langkah telah

Acara "Flag Off" atau pelepasan peserta yang menyertai program ini telah disempurnakan bersama oleh En. Rusli Yaacub, Pengurus Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan dan En. Sulaiman Ismail, Pengurus Besar Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan pada jam 8.00 pagi, 4 April 2003 bertempat di Perkarangan Perdana Resort.

Pada hari pertama program, peserta telah dibawa melawat Terowong Komunis di Nattawi, Thailand. Aturcara program menjadi lebih padat pada hari kedua di mana peserta telah bertolak menuju Alor Setar melalui Lebuhraya Bukit Kayu Hitam yang kemudiannya singgah melawat Rumah Kelahiran

(Bersambung di mukasurat 12)

diambil bagi mengatasi rintangan yang dihadapi. Bagi mengatasi kekurangan bahan mentah, usahasama dengan Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah diadakan. Kawasan pertanian telah dipertingkatkan dengan pemulihian tanah terbiar. Bagaimanapun dalam konteks Kelantan, peluang pasaran sememangnya masih terlalu jauh untuk diterokai kerana kemampuan yang terbatas serta pengeluaran produk tempatan juga tidak meluas kerana kurangnya pembabitan usahawan dalam bidang berkenaan. Biar apa pun keadaan yang dihadapi pada masa kini adalah tidak mustahil ianya akan berubah asalkan ada kesedaran, kehendak serta daya usaha untuk memperbaikinya.


\* adalah lebih baik dan mulia dengan mengakui kelemahan sendiri daripada terus berpura-pura



# PKINK PKINK PKINK

...seekor siakap, secangkir susu..

## Demonstrasi **MASAKAN KREATIF**



Wanginya aroma ikan siakap goreng dan rasa lemak manis campuran susu dan buah memenuhi ruang legar Bangunan Medan Usahawan disepanjang berlangsungnya sesi Demonstrasi Masakan Kreatif. Demonstrasi ini merupakan salah satu acara yang telah disusun bagi memeriahkan Ekspo Produk Makanan Halal Kelantan 2003 yang dianjurkan oleh PKINK. Ekspo selama 8 hari bermula dari 24 – 31 Mac 2003 diadakan sempena dengan Perayaan Hari Keputraan KDYMM Al-Sultan Kelantan ke 53.

Kelab Kebajikan Wanita PKINK (KEKWA) yang bertanggungjawab mengendalikan demonstrasi tersebut telah mengundang beberapa orang chef terkenal dari beberapa buah hotel terkemuka di Kota Bharu berkongsi pengetahuan dengan menunjukkan cara-cara memasak pebagai jenis lauk-pauk, kuih-muih serta minuman yang beranika rasa.

Chef dari Hotel Perdana telah membuka tirai demonstrasi dengan menunjukkan cara-cara memasak Hungarian Goulash, Bebola Ikan Bersayur dan Jus Rosalinda. Uuuumph..sedapnya. Kemerahan dan keseronokan memasak diteruskan lagi. Keesokannya pula, chef dari Hotel New Pacific tampil mengambil giliran. Mereka

menunjukkan cara-cara penyediaan Ikan Goreng Lada Hitam, Sagu Koko dimakan bersama Vanilla Sauce dan Jus Mocktail Asmara. Chef dari Perdana Resort tampil mengambil giliran pada hari ketiga. Mereka menunjukkan cara-cara memasak Ikan Kukus Istimewa, Puding Karamel dan Jus Penghilang Dahaga.

(Bersambung di mukasurat 10)

*Rasulullah dalam mengenangmu....  
Kami susuli lembaran sirahmu.....*

## **MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL**

Tanggal 20 Rabiul Awal 1424 bersamaan 22 Mei 2003 (Khamis) Majlis Sambutan Maulidur Rasul peringkat PKINK telah diadakan bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10. Anggota-anggota PKINK dan penghuni-penghuni bangunan telah hadir secara beramai-ramai untuk memanfaatkan majlis. Sambutan pada kali ini membawa sedikit kelainan berbanding tahun-tahun sebelumnya di mana beberapa acara telah disusun dan dipersembahkan bagi menyerikan majlis.

Majlis dimulakan pada jam 11.15 pagi dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang telah diperdengarkan oleh Ustaz Hj. Mohd. Nazri b. Hj. Muhamad, Qari jemputan dari Pondok Beta Hilir Wakaf Bharu. Menyusul selepas itu ialah sajak yang berjudul "Pusaka Junjungan" yang telah dideklamasikan oleh salah seorang anggota PKINK. Majlis menjadi sedikit hangat apabila Kumpulan Rebana yang terdiri daripada 7 orang anggota muncul mempersembahkan dua buah lagu.

Kemuncak majlis ialah Ceramah Khas Maulidur Rasul yang telah disampaikan oleh penceramah undangan kali ini iaitu YBhg. Dr. Johari Mat, Pengerusi Eksekutif KIAS. Diantara intipati yang dapat dipetik daripada ceramah tersebut ialah kitab suci Al-Quran yang telah Allah SWT turunkan adalah untuk kebaikan seluruh alam semesta, manusia dan lain-lain makhluk. Dalam konteks ini, kita manusia sebagai makhluk Allah yang paling sempurna kerana diberikan akal untuk berfikir perlu mendalami dan menghayati pengertian dalam Al-Quran agar segala kebaikan yang tersembunyi di dalamnya dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya demi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Menyentuh mengenai gejala sosial yang kian menular di negara kita, sudah pasti ianya satu fenomena yang cukup parah dan membimbangkan justeru perlu diberi perhatian oleh semua golongan. Secara purata manusia mempunyai dua aspek kawalan iaitu kawalan luar dan kawalan dalam. Kawalan luar agak mudah dibuat kerana ianya membabitkan pandangan lahiriah dan fizikal. Kawalan dalam pula teramat sukar kerana ianya perlu berasaskan anutan, kefahaman, iman dan taqwa. Perlu kita imbaskan kembali bagaimana Nabi Muhammad SAW dapat mengatasi gejala sosial yang telah berlaku di zaman itu seperti minum arak, berjudi, berzina dan sebagainya. Perlu juga kita renungkan bagaimana baginda mentadbir dan menyusun atur masyarakat pelbagai kaum sehingga mereka boleh hidup aman. Dalam menjalani kehidupan kita perlu berusaha dan berikhtiar untuk mencari kesenangan merangkumi pekerjaan yang baik serta kekayaan, pun begitu perlu diingatkan agar kita tidak lupa diri sehingga menjadikan semua itu satu matlamat kerana hidup di dunia



adalah sementara sahaja sedangkan akhirat juga yang kekal lantaran itu kita perlu menggunakan akal untuk mengimbanginya agar tidak rugi semasa hidup di dunia mahupun di akhirat kelak.

Apa yang dapat disimpulkan ialah majlis ini bukan sekadar majlis untuk berkumpul, makan-makan dan minum sahaja. Apa yang penting ialah mengimbau kembali sejarah perjuangan Nabi SAW dalam mengembangkan syiar Islam pada masa lalu serta apa yang perlu kita adaptasikan agar dapat kita amalkan untuk kesejahteraan hidup masa kini. Majlis tamat kira-kira jam 12.45 tengah hari dengan berselawat ke atas Nabi SAW.



## KEJOHANAN TENIS PIALA KETUA EKSEKUTIF

Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Kejohanan Tenis Novis Berpasukan Tertutup Kelantan 2003. Penganjuran kejohanan tersebut adalah bagi merebut Piala Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK. Berlangsung selama dua hari iaitu pada 6&7 Jun 2003 bertempat di Gelanggang Tenis Stadium Sultan Mohamed IV Kota Bharu, kejohanan ini telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 19 pasukan tenis dari seluruh negeri. Pemain-pemain yang bermain untuk pasukan yang mereka wakili telah mempamirkan corak permainan yang cukup bermutu. Masing-masing telah memberikan saingan sengit yang bukan sekadar untuk menundukkan pasukan lawan tetapi masing-masing berusaha untuk menjuarai kejohanan sekaligus membolot hadiah-hadiah yang ditawarkan.



Empat pasukan yang telah mempamirkan permainan yang cukup cemerlang serta berjaya menduduki empat tempat teratas adalah sebagaimana berikut:-

Johan -	Pasukan Kurnia A Memenangi Medali Kejohanan, Wang Tunai RM1,000.00 & Piala
Naib Johan -	Pasukan Setia Memenangi Medali Kejohanan & Wang Tunai RM700.00
Tempat Ketiga -	Pasukan Setiawangsa Memenangi Medali Kejohanan & Wang Tunai RM300.00
Tempat Keempat -	Pasukan Kuala Krai A Memenangi Medali Kejohanan & Wang Tunai RM300.00

YAbrs. Tuan Hj. Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Pihak KSK PKINK selaku penganjur kejohanan pada tahun ini berharap agar lebih banyak menghulurkan sumbangan dan tajaan pada masa akan datang. Sumbangan dan tajaan tersebut pastinya membolehkan kejohanan yang lebih besar dapat diadakan.

## **SEKITAR PERAYAAN HARI KEPUTERAAN AL-SULTAN**

**K**omitmen padu demi mendaulatkan Raja Pemerintah, PKINK sekali lagi telah menyertai Perayaan Ulang Tahun Keputraan KDYMM Al-Sultan Kelantan ke 53 yang bertemakan "Raja Lambang Bangsa".

Penyertaan PKINK pada tahun ini adalah secara sederhana sahaja namun ia tetap membanggakan. Pembinaan pintu gerbang di Jalan Pengkalan Chepa telah membolehkan PKINK memenangi hadiah yang telah disediakan oleh pihak pengajur. Penyertaan dalam Pertandingan Menembak Mahabbah 2003 juga tidak mengecewakan. Wakil Pasukan PKINK dalam kejohanan pada tahun ini ialah:-

1. Tuan Hj. Mohd. Suhaimi Husin – Ketua Pasukan
2. En. Zainal Ab. Rahim
3. En. Ahmad Nazri Hj. Ismail
4. En. Mohd. Adilan Mat Jusoh
5. En. Nik Kamil Amira Nik Ab. Rahman

Penembak PKINK telah mencapai kedudukan yang boleh dibanggakan di mana En. Ahmad Nazri Ismail telah memenangi tempat pertama bagi acara "Sporting Rifle Individual" Kumpulan B dan menduduki tempat kelima keseluruhan. Pasukan PKINK juga telah memenangi tempat ketiga bagi acara "Sporting Rifle Berpasukan" Kumpulan B. Syabas kepada mereka semua.



## **MEMANCING DI TASIK KENYIR PADA CUTI HARI PEKERJA**

**M**emanfaatkan cuti Hari Pekerja pada 1 Mei, seramai 35 orang anggota PKINK telah mengambil peluang untuk memancing di Tasik Kenyir. Walaupun begitu, sebahagian anggota yang ikut serta bukannya kaki pancing. Saja-saja nak ikut untuk menimba pengalaman dan ada pula yang nak "release tension".

Ahli-ahli rombongan telah berkumpul di tempat letak kereta bangunan pejabat sebelum bertolak secara berkonvoi. Apa yang menariknya ialah kesemua kenderaan yang terlibat sarat dengan bekalan makanan dan minuman. Maklumlah... sebahagian ahli yang ikut serta bukan setakat ghairah untuk ke sana tetapi turut bimbang kalau-kalau bekalan tak cukup nanti kebuluran pula. Setelah hampir tiga jam meneruskan perjalanan, rombongan tiba di Pengkalan Bot Tasik Kenyir kira-kira jam 12.30 tengahari. Setelah selesai memungggah barang-barang yang dibawa ke atas tiga buah bot besar yang telah ditempah sebelumnya, bot mula menuju destinasi iaitu di bahagian yang paling hulu. Kebiruan dan ketenangan tasik yang dikelilingi kehijauan pulau-pulau kecil yang sebelumnya merupakan puncak bukit amat mendamaikan. Tiada ombak yang melambung, tiada ahli yang mabuk. Kami benar-benar selesa meneruskan perjalanan dan selamat tiba ke destinasi pada awal petang.



Selaras berhati menghilangkan penat buat seketika aktiviti pun bermula mengikut pembahagian tugas yang telah diatur sebelumnya. Yang kaki pancing tu memancinglah, yang memasak tu memasaklah, yang nak release tension tu terus saja terjun ke dalam tasik dan berenang seenaknya. Berada dua hari di Tasik Kenyir sememangnya tidak puas. Sebahagian besar ahli rombongan bercadang untuk berkunjung lagi apabila berkesempatan.



## PKINK Kendolikon Bengkel Pembangunan Keusahawanan Wanita Melalui Aplikasi Teknologi Maklumat

P erbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan kerjasama Asian Institute for Development Communication (AIDCOM) dan Canadian International Development Agency (CIDA) telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Keusahawanan Wanita Melalui Aplikasi Teknologi Maklumat pada 21 – 23 April 2003. Disertai seramai 30 orang usahawan wanita di Kota Bharu, bengkel selama tiga hari tersebut telah diadakan sepenuhnya di Makmal Komputer PKINK. YB. Dato' Hj. Ab. Halim b. Ab. Rahman, Timbalan Menteri Besar Kelantan telah merasmikannya. Hadir sama pada majlis tersebut ialah H.E. Mrs. Jean C. Mc Closkey, Pesuruh Jaya Tinggi Canada, En. Zainon Ahmad, Pengarah AIDCOM, Tuan Hj. Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dan pegawai-pegawai dari agensi-agensi terhbit.

Pesuruh Jaya Tinggi Canada dalam ucapan aluannya berkata bengkel ini merupakan urutan kepada persefahaman dan kerjasama erat antara Canada dan Malaysia yang telah terjalin sekian lama. Beliau turut menjelaskan bahawa Canada amat komited dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan wanita terutamanya mereka yang mahir menggunakan teknologi maklumat. Dalam konteks ini Canada sentiasa bersedia untuk berkongsi teknologi, kepakaran dan pengalaman

yang mereka miliki dengan pihak Malaysia dengan memfokuskan wanita sebagai kumpulan sasaran agar golongan ini mampu bersaing menghadapi pasaran dan cabaran global. Tegas beliau lagi, di Canada sendiri kini terdapat lebih 700,000 firma yang menawarkan 1.7 juta pekerjaan kepada rakyat Canada telah diuruskan oleh wanita. Beliau cukup optimis keadaan seumpamanya boleh terjadi di Malaysia sekiranya wanita di sini diberikan peluang dan bimbingan sewajarnya.

YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan dalam ucapan perasmianya berkata, pembangunan ekonomi kita lebih banyak bergantung kepada perniagaan dan perusahaan justeru kecekapan untuk mengendalikan bidang-bidang tersebut amat diperlukan. Selain daripada lelaki yang sering dianggap dominan, penyertaan wanita dalam usaha ke arah tersebut juga penting memandangkan mereka memiliki sifat-sifat yang sesuai. Mereka juga perlu menyumbang tenaga dan kebolehan mereka bagi memajukan negeri ini. Jika wanita disisih dan tidak menyumbang segala kemahiran yang miliki pasti sebahagian daripada tenaga penyumbang untuk pembangunan akan hilang begitu sahaja. Pun begitu, apa yang diperlukan oleh usahawan wanita ini ialah



(Bersambung di mukasurat 12)

# KONVENSYEN USAHAWAN MUDA (PUM) 2003



Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK selaku Sekretariat PUM Kelantan telah mengenai Kontinjen Kelantan ke Konvensyen Program Usahawan Muda peringkat nasional kali ke 7 bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak pada 29 Mei hingga 1 Jun 2003.

Kontinjen PUM Kelantan disertai 34 orang delegasi terdiri daripada seorang pegawai dan 2 penasihat dari PKINK, 6 orang guru Pembimbing dan 25 orang pelajar dari 5 buah sekolah iaitu Sek. Men. Keb. Agama Falahiah Pasir Pekan, Sek. Men. Keb. Kamil Pasir Puteh, Sek. Men. Agama Arab Al-Ihsan Tanah Merah, Sek. Men. Agama Arab Maahad Muhammadi Lelaki Kota Bharu dan Sek. Men. Agama Arab Arabia Pasir Mas.

Penyertaan PUM Kelantan dalam pertandingan Anugerah PUM ialah Syarikat Putera Lagenda Sdn. Bhd. dari Sek. Men. Keb. Agama Falahiah Pasir Pekan bagi kategori Anugerah Syarikat Terbaik, Anugerah Produk Terbaik dan Anugerah Pengurus Terbaik, Syarikat Ihsan Trading Sdn. Bhd. dari Sek. Men. Agama Arab Al-Ihsan Tanah Merah bertanding bagi kategori Anugerah Perkhidmatan Terbaik dan Cikgu Raihan Hussin dari Sek. Men. Keb. Kamil bertanding bagi kategori anugerah Guru Pembimbing Terbaik.

Pihak penganjur telah mengatur program yang padat di sepanjang konvensyen berlangsung. Para pelajar telah mengikuti Ceramah Keusahawanan, Kuiz Keusahawanan, sesi perkenalan bersama UIA dan aktiviti sukan lasak iaitu Kembara Minda dan I-aerobic. Guru-guru pembimbing dan pegawai agensi pelaksana pula telah mengikuti Seminar Pembimbing Program Usahawan Muda pada 30 Mei 2003.

Kemuncak konvensyen ialah Majlis Makan Malam dan penyampaian anugerah bertempat di Pusat Aktiviti Kebudayaan

(CAC) UIA pada 31 Mac yang telah dihadiri oleh YB. Dato' Khalid Yunus, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Timbalan Rektor UIA. Majlis tersebut telah diserikan dengan persembahan kebudayaan dari tiga buah negeri. Sek. Men. Agama Maahad Muhammadi Lelaki, Sek. Men. Agama Arab Al-Ihsan dan Sek. Men. Keb. Kamil telah bergabung tenaga mewakili Kelantan dengan persembahan sketsa berjudul "Diari Seorang Usahawan".

Pada majlis tersebut, PKINK telah menerima Sijil Penghargaan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan sebagai menghargai komitmen, daya usaha dan peranan dalam melaksanakan secara giat Program Usahawan Muda di Kelantan. Lebih membanggakan lagi apabila Syarikat Ihsan Trading Sdn. Bhd. dari Sek. Men. Agama Arab Al-Ihsan Tanah Merah telah berjaya memenangi Tempat Ketiga Anugerah Perkhidmatan Terbaik (Perkhidmatan Katering) yang membawa pulang trofi dan wang tunai.

Kontinjen PUM Kelantan sempat melawat Menara Kuala Lumpur dan berkunjung ke Pesta Buku Antarabangsa di PWTC sebelum berlepas pulang ke Kota Bharu pada 1 Jun. Kesemua guru-guru pembimbing dan para pelajar yang terbabit telah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada PKINK yang tidak pernah bosan dan jemu dalam memberikan bimbingan dan tunjuk ajar. Sesungguhnya kemenangan yang dicapai pada kali ini adalah kemenangan bersama.

## TAKLIMAT KHAS SISTEM TAKSIRAN SENDIRI CUKAI PENDAPATAN



Demonstrasi untuk 4 hari terakhir iaitu dari 28 – 31 Mac telah diterajui oleh warga kerja MARDI Pasir Puteh. Berbeza dengan chef-chef dari hotel, MARDI telah menunjukkan cara-cara memasak dengan menggunakan bahan-bahan tempatan yang dikira mudah dikomersil oleh sesiapa yang berminat untuk menjadi usahawan.

Disepanjang segmen kendalian mereka, pihak MARDI telah menunjukkan cara-cara penyediaan cincau @ lengkong yang lazimnya permintaan untuk bahan tersebut akan melonjak tinggi pada bulan puasa. Sebagai alternatif kepada pelbagai jenis sos yang berada di pasaran, MARDI telah menunjukkan cara-cara memproses SOS PACILI (Papaya @ betik dicampur cili). Warga Kerja MARDI yang didatangkan khas dari Kuala Terengganu pula menunjukkan cara-cara memproses Kordial Mangga. Menutup tirai demonstrasi kali ini, pihak MARDI telah menunjukkan cara-cara membuat pisang goreng segera bersalut dan ikan bersalut. Menurut Puan Zainun, Pegawai Penyelidik MARDI yang telah sama-sama turun padang, membuat pisang goreng segera bersalut ini nampak sahaja mudah sedangkan pihaknya sendiri telah mengambil masa selama enam bulan bagi membuat kajian, penyelidikan dan percubaan untuk memastikan kualiti pisang seperti personalitinya, rasa, zat dan segala vitamin yang terkandung di dalamnya tidak terjejas walaupun ianya lama disejuk bekukan. Jika diproses dengan cara yang betul, pisang goreng segera bersalut ini boleh tahan selama setahun bila disimpan di ruangan dingin beku.

PKINK khasnya dan KEKWA pada amnya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua chef jemputan, warga kerja MARDI dan anggota-anggota PKINK sendiri yang telah berkerja keras demi menjayakan demonstrasi tersebut. Semoga kita semua dapat sama-sama memanfaatkannya dan kalau berpeluang akan diadakan lagi pada masa yang mendatang.

Setiap negara di dunia memerlukan sumber kewangan yang sentiasa mencukupi bagi menjanaan segala bentuk pembangunan yang telah dirancangkan. Negara kita Malaysia tidaklah terkecuali. Setelah menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan untuk dinikmati oleh rakyat kerajaan akan berusaha untuk mendapatkan kembali sumber yang telah dilaburkan agar pembangunan negara dapat dijalankan secara berterusan. Apa yang jelas, cukai yang telah dikenakan dan dapat dipungut merupakan salah satu sumber yang memberi sumbangan besar kepada pendapatan negara. Dalam hubungan ini, usaha-usaha bagi memberi kesedaran dan tanggungjawab tentang cukai sekali gus mewujudkan pembayar cukai yang pro-aktif giat dijalankan di seluruh negara. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dengan Motto "Mesra, Membantu, Memuaskan" telah menjalankan peranan tersebut dengan sewajarnya.

Pada 30 April 2003, pegawai-pegawai dari LHDN telah memberikan taklimat khas kepada anggota-anggota PKINK. Taklimat ini telah memfokuskan pendekatan terkini dalam urusan pembayaran cukai yang telah diwajibkan ke atas setiap individu setelah memperolehi pendapatan pada tahap tertentu. Setiap individu dikehendaki membuat taksiran cukai sendiri bagi pendapatan tahunan yang diterima. Pihak LHDN hanya akan memeriksa dan menyemak borang-borang taksiran yang telah dikembalikan.

Sejajar dengan perlaksanaan Sistem Taksiran Sendiri cukai bagi individu yang akan berkuatkuasa pada tahun 2004 nanti, pembayar cukai perlu mempertingkatkan kepekaan diri dengan mengikuti segala bentuk perkembangan dalam sistem percutiaian tanah air kerana perkembangan ini akan mempengaruhi pelepasan dan kadar dalam taksiran. Selain daripada memberikan contoh-contoh pengiraan cukai bagi taksiran sendiri, pembayar cukai juga dinasihatkan supaya menyimpan rekod-rekod asal yang teratur selama tempoh tujuh tahun bagi tujuan semakan oleh pihak LHDN pada bila-bila masa sekitar perlu.

## MESYUARAT AGONG KSK PKINK KALI KE 25

**K**elab Sukan dan Kebajikan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (KSK PKINK) merupakan arena dan laluan kepada ahli-ahli untuk menjalankan aktiviti-aktiviti merangkumi kebajikan, rekreatif dan sukan yang diminati. Pada 8 Safar 1424 bersamaan 10 April 2003, KSK PKINK telah mengadakan Mesyuarat Agong yang ke 25 bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10. Selain daripada pembentangan laporan kewangan dan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang sesi 2000 – 2002, mesyuarat ini juga bertujuan untuk memilih Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang baru untuk sesi 2003 – 2004. Tuan Hj. Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan selaku Penasihat KSK PKINK ketika merasmikan mesyuarat tersebut telah menyarankan kesemua ahli agar sentiasa berkerjasama dan ikhlas dalam menjalankan sebarang aktiviti. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan pula hendaklah seimbang merangkumi aktiviti-aktiviti sukan, rekreatif, kebajikan dan dakwah. Ahli-ahli juga diingatkan agar tidak terlalu ghairah dengan aktiviti kelab sampai membelakangi tugas pejabat. Dengan kata lain "jangan lebih kerabu dari nasi".

Semasa pembentangan laporan aktiviti dan penyata kewangan tahunan, tidak banyak yang diperbahaskan. Bagi sesi pemilihan Ahli Jawatankuasa terdapat beberapa jawatan yang dipertandingkan. Bagi jawatan Yang Dipertua, Setiausaha Kehormat, Penolong Setiausaha dan Bendahari dikekalkan mengikut kehendak majoriti. Jawatan Naib Yang Dipertua terdapat tiga pencalonan, sembilan pencalonan Ahli Jawatankuasa bagi mengisi empat jawatan dan tiga pencalonan Pemeriksa Kira-Kira bagi mengisi dua jawatan. Keputusan pemilihan dan perlantikan Ahli Jawatankuasa KSK PKINK bagi sesi 2002-2004 adalah sebagaimana berikut.

Yang Dipertua	: Tuan Hj. Mohd. Suhaimi b. Husin
Naib Yang Dipertua	: Tuan Hj. Mohd. Suhane b. Ibrahim Araui
Setiausaha Kehormat	: En. Hishamuddin b. Hussein
Penolong Setiausaha	: En. Wan Azizan b. Wan Yaacub
Bendahari	: Tuan Hj. Mohd. Razali b. Deraman
Ahli Jawatankuasa	: En. Mohd. Asiff b. Mohd. Idris
	En. Asmadi b. Ab. Rahman
	Puan Nik Farzimar Nik Omar
	Puan Ahlaami Dato' Hj. Ab. Halim
Pemeriksa Kira-Kira	: En. Rasdi Hassan
	En. Mohd. Rozi Mohd. Noor

Mesyuarat AJK Kerja yang pertama telah diadakan pada 13 Safar 1424 bersamaan 15 April 2003. Dalam mesyuarat tersebut dua orang Ahli Jawatankuasa Tambahan dan seorang Setiausaha Kerja sebagaimana berikut telah dilantik. Ahli Jawatankuasa : En. Nik Kamil Amirah Nik Ab. Rahman  
En. Aziz Mahmud  
Setiausaha Kerja : Engku Petra Tengku Wook



Bagi mengatur dan melaksanakan aktiviti-aktiviti tahunan secara tersusun dan lancar, mesyuarat juga telah melantik Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Kecil yang akan memikul tanggungjawab mengikut portfolio sebagaimana berikut:

Pengerusi J/Kuasa Sukan :	Tuan Hj. Mohd. Suhane Ibrahim Araui
Pengerusi J/Kuasa Kebajikan :	Puan Ahlaami Dato' Hj. Ab. Halim & Dakwah
Pengerusi J/Kuasa Wanita :	Puan Nik Farzimar Nik Omar (KEKWA)
Pengerusi J/Kuasa :	En. Hishamuddin Hussein
Pelancongan & Rekreasi	
Pengerusi J/Kuasa Kelab :	En. Nik Kamil Amirah Nik Ab. Rahman

### Komputer

Program sukan merupakan satu program yang mendapat sambutan paling menggalakkan di mana sehingga kini pihak J/Kuasa telah pun menerima dan menjadualkan aktiviti mengikut maklumbalas penyertaan ahli-ahli yang berminat.

(Bersambung di mukasurat 13)

(Dari mukasurat 3)

Perdana Menteri YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum bertolak ke Lembah Bujang destinasi terakhir hari tersebut. Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah telah diadakan di Hotel Swiss Inn, Sungai Petani pada 5 April dan disempurnakan oleh YB. Hjh. Rosnah Abd. Majid, Ahli Exco Kerajaan Negeri Kedah.

Pasangan En. Ramilan Ab. Rahman dan En. Khairul Anwar Mohd Nasir telah menjuarai ekspedisi kali ini dan memenangi wang tunai sebanyak RM1,500.00. Tempat kedua telah disandang oleh pasangan Tuan Hj. Ahmad Jusoh dan En. Mohd. Yusof Seman manakala tempat ketiga oleh pasangan En. Fauzi Mohammad & Rakan yang masing-masing memenangi wang tunai berjumlah RM1,000.00 dan RM500.00.

Perdana Resort (PCB Beach) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memainkan peranan serta memberikan kerjasama yang sewajarnya bagi menjayakan program ini. Insya Allah....kita akan bertemu lagi dalam Jejak Warisan V Kota Bharu – Melaka Bandaraya Bersejarah pada 2004 nanti.

(Dari mukasurat 8)

pengetahuan dan penyesuaian dengan cabaran pasaran moden. Penerapan teknologi terkini telah terbukti mampu mempertingkatkan kecekapan pengurusan, pengeluaran bahkan lebih pro aktif dalam konteks bersaing di pasaran terbuka. Kepada para peserta yang terpilih untuk mengikuti bengkel ini disarankan agar memanfaatkan peluang dengan sebaik-baiknya. Ianya bukan sekadar untuk diri sendiri tetapi pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi perlu dikembangkan kepada rakan-rakan lain. Bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan, beliau merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada AIDCOM dan CIDA dan berharap bengkel seumpama ini akan terus dirangka dan diadakan lagi pada masa akan datang.

# PERDANA RESORT MENJUARAI MAH TREASURE HUNT 2003



Persatuan Hotel Malaysia (MAH) telah menganjurkan MAH Treasure Hunt I Kuala Lumpur – Bukit Semanggol (Perak) pada 19–20 April 2003. Treasure Hunt yang julung-julung kali ini dianjurkan dengan kerjasama Majlis Tindakan Pelancongan Malaysia dan Majlis Tindakan Negeri Kedah. Program selama dua hari ini telah disertai oleh seramai 110 orang peserta yang mewakili 20 buah hotel di Semenanjung Malaysia membabitkan 30 buah kenderaan.

Program tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. En. Mohd. Ilyas Zainal Abidin, Presiden Persatuan Hotel Malaysia (MAH) bersama-sama dengan En. Chiasto Diamandopoulos, Pengurus Jawatankuasa Penganjur pada jam 7.30 pagi 19 April 2003 bertempat di Stadium Hoki Jalan Duta, Kuala Lumpur. Para peserta yang mengambil bahagian telah menamatkan cabaran yang berakhir di Mutiara Pedu Lake Resort, Kedah pada keesokan harinya.

Apa yang membanggakan ialah trio yang mewakili Perdana Resort (PCB Beach) iaitu En. Zainurdin Yeop, En. Kamarulzaman Ludin dan En. Mohd. Nazman Mohd. Salleh bukan sekadar menonjol bahkan telah memberikan cabaran yang sengit di kalangan 110 peserta yang mengambil bahagian. Menjuarai MAH Treasure Hunt 2003, Trio Perdana Resort telah memenangi Tiket Penerbangan MAS pergi-balik Kuala Lumpur – Kuching – Kuala Lumpur. Melengkapkan hadiah kemenangan mereka turut menerima Boucher Penginapan di Merdeka Palace Hotel Sarawak. Syabas !!.

# PKINK PKINK

**A**wal Muharam atau Maal Hijrah 1424 telah disambut dengan penuh rasa insaf dan syukur oleh segenap lapisan masyarakat bermula dari peringkat kebangsaan, peringkat negeri, jabatan-jabatan kerajaan, masyarakat kampung dan persatuan. Biar pun cara sambutannya agak sederhana tetapi bila disambut dengan penuh penghayatan ianya bukan setakat meriah sebaliknya meninggalkan kesan yang mendalam.

Hotel Perdana Kota Bharu tidak ketinggalan untuk sama-sama meraikan sambutan Maal Hijrah 1424 dengan mengadakan Majlis Asyura. Majlis secara gotong royong ini diadakan pada 21 Muharam 1424 bersamaan 24 Mac 2003 bertempat di perkaranan tempat letak kereta utama hotel. Bermula seawal jam 6.00 pagi dan berakhir kira-kira jam 6.00 petang, sebanyak tiga kawah bubur asyura telah disediakan. Bubur asyura tersebut kemudiannya diagihkan kepada tetamu hotel, or-

(Dari mukasurat 11)

#### **Permainan Tenis :**

Di Gelanggang Tenis, Kompleks Sukan Perdana, Jalan Mahmood Pada hari Ahad, Selasa dan Rabu dari jam 5.00 – 7.00 petang.

#### **Badminton :**

Di Dewan Badminton OJ, Kompleks Sekolah-Sekolah Wakaf Mek

Zainab pada hari Isnin dan Rabu dari jam 8.00 – 10.00 malam.

#### **Karom & Ping Pong :**

Di Bilik Rekreasi Sukan, Tingkat 6, Bangunan PKINK setiap

hari Ahad hingga Khamis mulai jam 5.00 – 6.00 petang.

Bagi lain-lain aktiviti, ahli-ahli boleh mendapatkan maklumat terkini melalui Pengurus-Pengurus Jawatankuasa Kecil yang mana aktiviti-aktiviti akan dirangka dan dijalankan dari semasa ke semasa.

ang ramai serta anggota hotel.

Penganjuran majlis atau acara sebegini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan antara pihak pengurusan dengan tetamu-tetamu hotel tetapi secara langsung ianya mampu memupuk semangat kerja berpasukan, saling menghormati antara satu sama lain kerana semua yang terlibat



telah sama-sama berganding bahu serta mencurahkan tenaga untuk menjayakannya. Semoga majlis dan acara sebegini akan beterusan pada tahun dan waktu yang mendatang.





# PKINK PKINK PKINK

## KITA dan IBU...

- ⟨ Ketika berusia setahun, ibu suapkan makanan dan mandikan kita. Cara kita ucapkan terima kasih kepadanya hanya dengan menangis sepanjang malam.
- ⟨ Apabila berusia dua tahun, ibu mengajar kita bermain, kita ucapkan terima kasih dengan lari sambil ketawa berkekeh-kekeh apabila dipanggil.
- ⟨ Menjelang usia kita tiga tahun, ibu menyediakan makanan dengan penuh rasa kasih sayang, kita ucapkan terima kasih dengan menumpahkan makanan ke lantai.
- ⟨ Kita berusia empat tahun, ibu membeli sekotak pensel warna, kita ucapkan terima kasih dengan menconteng dinding.
- ⟨ Berusia lima tahun, ibu membelikan sepasang pakaian baru, kita ucapkan terima kasih dengan bergolek-golek dalam lopak kotor.
- ⟨ Setelah berusia enam tahun, ibu memimpin tangan kita ke sekolah, kita ucapkan terima kasih dengan menjerit : "Tak nak ! Tak nak!".
- ⟨ Apabila berusia tujuh tahun, ibu belikan sebiji bola. Cara mengucapkan terima kasih ialah kita pecahkan cermin tingkap jiran.
- ⟨ Menjelang usia lapan tahun, ibu belikan aiskrim, kita ucapkan terima kasih dengan mengotorkan pakaian ibu.
- ⟨ Ketika berusia sembilan tahun, ibu menghantar ke sekolah, kita ucapkan terima kasih kepadanya dengan ponteng kelas.
- ⟨ Setelah berusia 11 tahun, ibu membawa menonton wayang, kita ucapkan terima kasih kepadanya dengan duduk di barisan berlainan bersama kawan-kawan.
- ⟨ Apabila berusia 12 tahun, ibu menyuruh membuat kerja sekolah, kita ucapkan terima kasih dengan menunggu ibu alpa untuk menonton televisyen.
- ⟨ Menjelang usia 13 tahun, ibu suruh pakai pakaian yang menutup aurat, kita ucapkan terima kasih kepadanya dengan memberitahu bahawa pakaian itu tidak sesuai zaman sekarang.
- ⟨ Ketika berusia 14 tahun ibu terpaksa mengikat perut untuk membayar wang persekolahan dan asrama, kita ucapkan terima kasih kepadanya dengan tidak menulis sepucuk surat pun.
- ⟨ Berusia 15 tahun, ibu pulang daripada kerja dan rindukan pelukan dan ciungan, kita ucapkan terima kasih dengan mengunci pintu bilik.
- ⟨ Setelah berusia 17 tahun, ketika ibu sedang menunggu panggilan penting kita bergayut di telefon sepanjang malam.
- ⟨ Menjelang usia 18 tahun, ibu menangis gembira apabila mendapat tahu kita diterima masuk ke IPT, kita ucapkan terima kasih kepadanya dengan bersukaria bersama kawan-kawan.
- ⟨ Ketika berusia 19 tahun, ibu bersusah payah membayar yuran pengajian, menghantar ke kampus dan mengheret beg besar ke bilik asrama, kita hanya ucapkan selamat jalan pada ibu di luar asrama kerana malu dengan kawan-kawan.
- ⟨ Berusia 20 tahun, ibu bertanya sama ada kita ada teman istimewa, kita kata, "itu bukan urusan ibu".
- ⟨ Apabila berusia 22-23 tahun, ibu membelikan perabot untuk rumah bujang kita. Di belakang ibu kita katakan pada kawan-kawan "Perabot pilihan ibu aku tak cantik, tak berkenan akuuuuuuuuuuuu!".
- ⟨ Menjelang usia 24 tahun, ibu bertemu dengan bakal menantunya dan bertanyakan mengenai rancangan masa depan, kita menjeling dan merungut, "ibuuuuuuu, tooooonglah....".
- ⟨ Ketika berusia 25 tahun, ibu bersusah payah menanggung perbelanjaan majlis perkahwinan kita. Ibu menangis dan memberitahu betapa dia sangat sayangkan kita, tapi kita ucapkan terima kasih kepadanya dengan berpindah jauh. Ada juga sebilangan ibu berkeluh kesah dalam diam memasang anganan tentang pelamin pilihan, tapi sebilangan anak mengucapkan terima kasih kepadanya dengan mengatakan.... "saya sibuk, tak ada masa memikirkan pasal kahwin!".
- ⟨ Pada usia 30 tahun, ibu menelefon memberi nasihat dan petua mengenai penjagaan bayi, kita dengan megah berkata "itu dulu, sekarang zaman moden".
- ⟨ Ketika berusia 40 tahun, ibu menelefon mengingatkan mengenai kenduri-kendara di kampung, kita berkata, "kami sibuk tak ada masa nak datang".
- ⟨ Apabila berusia 50 tahun, ibu jatuh sakit dan meminta kita menjaganya, kita bercerita mengenai kesibukan dan kisah-kisah ibu bapa yang menjadi beban kepada anak-anak.
- ⟨ Dan kemudian suatu hari, kita mendapat berita ibu meninggal. Khabar itu bagaikan petir!. Dalam lelehan air mata, barulah segala perbuatan kita terhadap ibu menerpa satu persatu.

**Jika ibu masih ada, sayangilah dia. Jika telah meninggal, ingatilah kasih dan sayangnya. Sayangilah ibu kerana kita semua hanya ada seorang ibu. Begitu juga jika kita masih mempunyai ibu mertua. Sayangilah dia kerana suami/isteri kita juga hanya mempunyai seorang saja ibu.**

## PUSAKA JUNJUNGAN

12 Rabiu Awal Tahun Gajah

Tarikh karamnah...segar tercatat di lipatan sejarah  
Lahirnya Putera seindah wajah, pertabdi luhur gah menyertai  
Muhammad Ibni Abdullah  
Rasul akhir zaman pesuruh Allah

Ya Muhamad...  
Ya Nabi...ya Rasul  
Makhluk terbaik pilihan Allah  
HadirMu membawa sinar...menerangi kegelapan  
Menyulih jalan...semoga tiada silang, tiada simpang di hadapan  
Tersimpul utuh bak satu ikatan...jadi pegangan insan  
Bangkit dari keruntuhan  
Sedar, insaf...dan tahab membina...  
Membina iman dan amalan yang pernah lebur dirobek  
Ranap dihimpit kegelapan jahiliyah

Ya Muhamad...Rasul pilihan  
Tanpa hadirMu membimbang...berteladan penuh kesabaran  
Pasti hingga ke penghujung zaman  
Kami tersesat tanpa menemui jalan pulang

Ya Muhamad...ya Rasul  
HadirMu bukanlah berkekalan  
Azali manusia, azali hamba  
Pasti kembali menghadap Allah jua  
Pencipta agung...keesaan tiada tara

Ya Muhamad...ya Rasul  
Rasul junjungan penuh sanjungan  
Biar berabadi dikau pergi  
Berabad juh kami ditinggalkan  
Namun yang pastinya tiada...  
Tiada sempadan, tiada pemisah  
Melewati waktu...waktu senggang menjurangi kita

Ya Muhamad...ya Rasul  
Menggunung...melaut tidak terhitung  
Besar...banyak...khazanah yang kau wariskan  
Bekal penghayatan...bekal amalan  
Telus...tulus...membina iman di dada insan  
Dalam ampun redha, limpahan anugerah nikmat Tuhan  
Berkat...  
Sejahtera sepanjang hayat  
Melewati fananya dunia dan kekalnya akhirat

Ya Muhamad...ya Rasul  
Utusan Allah...perantara akhir zaman  
Rasul pilihan, pusaka junjungan  
Lahir dan hadirMu tanda bandingan  
Ajaran dan sunnah yang dikau wariskan  
Selagi kami rela, kerelaan penuh keharuan  
PesananMu jadi pegungan, jadi amalan  
Pasti...yang penuh kepastian  
Mampu merobek...dan nyahkan  
Jahatnya nafsu sendiri...  
...yang erat bersaudarakan godaan syaitan

Ya Muhamad...ya Rasul  
Kini pasti, apa yang wariskan penuh ketentuan  
Perkayakan diri dengan amal kebaikan  
Tiang peneguh satu arutam  
Melempaskan kejihilan diri tanpa tonjolan  
Hanya kita yang mengenali diri siapa gerangan  
Ya Rasul...  
Besar dan murninya erti kalimah-kalimah yang dikau wariskan  
Bukan sekadar kemerduan bila adanya penghayatan  
Tapi berbisa...yang bisa melempaskan  
Kemerduan ribuan irama datu ribuan alunan  
Rentak hidup di dunia yang asyik...yang melekakan

Ya Muhamad...Rasul pilihan  
Hanya dikau Allah perantarakan  
Penyelamat ummat dari kesesatan  
Melewati hidup di penghujung zaman  
Sesungguhnya...dikaualah pusaka junjungan  
Pasti kelas bersemadi dalam ingatan.

## RENUNGAN PERNIKAHAN DAN PERKAHWINAN

Sebuah karya yang sesuai untuk semua...bagi yang bujang boleh mengambil iktibar...bagi yang belum dan bakal berkeluarga, boleh belajar, bagi yang berkeluarga, perlu belajar.

Untuk suami..renungkanlah!

Pernikahan atau perkahwinan menyingkap tabir rahsia. Isteri yang kamu nikahi tidaklah semulia Khadijah, tidaklah setawa Aishah pun tidak setabah Fatimah. Justeru isterimu! Hanyalah wanita akhir zaman yang punya cita-cita menjadi solehah..

Pernikahan atau perkahwinan mengajar kita kewajipan bersama. Isteri menjadi tanah, kamu langit penaungnya. Isteri ladang tanaman, kamu pemagarnya. Isteri kiasan temakan, kamu gembalanya. Isteri adalah murid, kamu mursyidnya. Isteri bagaiakan anak kecil, kamu tempat bermanjanya. Saat isteri menjadi madu, kamu teguklah sepurasnya. Seketika isteri menjadi racun, kamulah penawar bisanya. Seandainya isteri tulang yang bengkok, berhatilah meluruskaninya....

Pernikahan atau perkahwinan menginsafkan kita perlunya iman dan taqwa. Untuk belajar meniti sabar dan redha Allah swt. kerana memiliki isteri yang tak sehebat mana.

Justeru kamu akan tersentak dari alpa. Kamu bukanlah Rasulullah saw. Pun bukanlah Sayyidina Ali Karamallahhuwajhah. Cuma suami akhir zaman yang berusaha menjadi soleh...amin.

Untuk isteri..renungkanlah..

Pernikahan atau perkahwinan membuka tabir rahsia. Suami yang menikahi kamu tidaklah semulia Muhammad saw. Tidaklah setawa Ibrahim. Pun tidak setabah Ayyub atau pun segagah Musa, apalagi setampan Yusuf.

Justeru suamimu hanyalah lelaki akhir zaman yang punya cita-cita membangun keturunan yang soleh...

Pernikahan atau perkahwinan mengajar kita kewajipan bersama. Suami menjadi pelindung, kamu penghuniinya. Suami adalah nakhoda kapal, kamu pengemudinya. Suami bagaiakan pelakon yang nakal, kamu adalah penonton kenakalaninya. Saat suami menjadi raja, kamu nikmati anggur singgahsananya. Seketika suami menjadi bisa, kamulah penawar ubatnya. Seandainya suami bengis lagi lancang, sabarlah memperingatkannya..

Pernikahan ataupun perkahwinan mengajarkan kita perlunya iman dan taqwa. Untuk belajar meniti sabar dan redha Allah swt. kerana memiliki suami yang tak segagah mana.

Justeru kamu akan tersentak dari alpa. Kamu bukanlah Khadijah yang begitu sempurna di dalam menjaga...Pun bukanlah Hajar yang begitu setia dalam sengsara..Cuma wanita akhir zaman yang berusaha menjadi solehah...amin.

Justeru itu wahai para suami dan isteri jangan menuntut terlalu tinggi seandainya diri sendiri jelas tidak berupaya. Mengapa mendambakan isteri sehebat Khadijah andai diri tidak semulia Rasullullah.

Mengapa mengharapkan suami setampan Yusof seandainya kasih tak setulus Zulaikha. Tidak perlu mencari isteri secantik Balqis andainya diri tidak sehebat Sulaiman. Dan tidak perlu mencari suami seteguh Ibrahim andai diri tidak sekuat Hajar dan Sarah.



Hari Keluarga Kelab Sukan & Kebajikan PKINK (KSK) yang diadakan dua tahun sekali telah dinantikan oleh sebilangan besar ahli dan 16 Mei merupakan realiti yang mengakhiri penantian tersebut. Bukan berubah arah...namun sekadar untuk mencari sedikit kelainan dari kebiasaan, Ahli Jawatankuasa Pengelola Hari Keluarga KSK 2003 telah memilih Pantai Peranginan Merang di Terengganu sebagai destinasi. Sambutan yang diberikan oleh ahli adalah diluar jangkaan dimana seramai 850 orang telah menyertainya. Bilik-bilik penginapan di Sutera Beach Resort dan GEM Beach Resort telah ditempah habis bagi menampung keperluan penginapan. Ahli-ahli mula mendaftar masuk di hotel penginapan masing-masing pada jam 4.00 petang dan pada sebelah malamnya pula mereka telah sama-sama menikmati makan malam yang disediakan secara buffet.

Pada keesokan harinya (17 Mei), kesemua ahli telah berkumpul di Sutera Beach Resort untuk sambutan bersarapan pagi yang disediakan secara bungkus. Bukan...apa...takut tak sempat. Ahli ramai, waktu yang singkat perlu dikejar. Majlis perasmian dan acara sukanika akan bermula pada jam 8.15 pagi. Majlis telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Tuan Hj. Mohd. Suhane, Pengurus Jawatankuasa Hari Keluarga KSK 2003. Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli jawatankuasa yang telah bekerja keras untuk menjayakan program ini. Tidak ketinggalan...terima kasih kepada ahli-ahli yang telah turut serta. Penyertaan mereka semua adalah sokongan terhadap program yang telah disusun demi untuk kebaikan semua. Perasmian Hari Keluarga telah disempurnakan oleh Tuan Hj. Mohd. Suhaimi Husin, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P).

Beliau cukup berbesar hati dan amat gembira dengan penyertaan dan kehadiran ahli. Sebanyak lima buah bas telah disewa bagi membawa ahli yang tidak memiliki kenderaan sendiri. Beliau turut menyarankan kepada semua ahli agar memanfaatkan program ini terutamanya dalam konteks jalinan kemesraan dan ikatan silaturrahim yang lebih akrab.

Suasana hari keluarga mula menampakkan keceriaan sebenar sebaik acara sukanika dimulakan. Pelbagai acara yang telah disusun merangkumi kumpulan umur untuk kanak-kanak, lelaki dewasa dan wanita dewasa telah mempertontonkan pelbagai gelagat dan aksi. Teriknya panas mentari yang mula meninggi tidak dirasakan sangat. Mana tidaknya...ada yang ketawa tak gering gusi dan ada pula yang ketawa bak separuh mati. Lucu...lucu...geli hati kawe weh. Tarik tali merupakan kemuncak atau acara akhir yang dinanti. Pasukan Urusetia dan Pasukan Pengurusan telah berentap dalam acara ini. Kesudahannya!!!!...Pasukan Urusetia telah berjaya menundukkan Pasukan Pengurusan. Untuk suasana rasa lebih riang, cabutan bertuah mengikut nombor bilik penginapan telah dibuat. Sebanyak 50 buah hamper dan hadiah telah disediakan bagi tujuan tersebut. Penyampaian hadiah yang disusuli dengan makan tengah hari telah mengakhiri program tersebut.